

## **Hubungan antara Cabaran - Cabaran Terhadap e-Pembelajaran dan Efikasi Kendiri (Self-Efficacy) dalam kalangan Pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM**

**Nurul Nabila Kadir<sup>1</sup> & Mohd Zarir Yusoff<sup>1,\*</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA.

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.01.009>

Received 31 March 2023; Accepted 30 April 2023; Available online 01 June 2023

**Abstract:** E-learning is now an essential method of learning in education due to the COVID-19 pandemic and new norms in life. They will have trouble to finish their assignment within the time given by the lecturer due to the poor internet network. This has caused the students' e-learning levels to deteriorate, thus affecting the weakening level of self-efficacy of students. The aim of this study was to examine the relationship between challenges in e-learning and self-efficacy among First Year Degree UTHM students. The scope of this study only involves matters that are restricted by the researchers. Respondents who are focused are first-year degree students that studying at University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Therefore, the sample for the study was 317 students. The total number of respondent First Year Degree UTHM students was 222 respondents. Descriptive and correlational methods of analysis are used to analyze data collected from the main source (i.e. questionnaire). The Statistical Process for Social Sciences (SPSS) is used as the main data analysis tool for quantitative studies. The findings showed that the level of challenges in e-learning and self-efficacy is at a high level. There is a strong and positive significant relationship between the challenges in e-learning and self-efficacy.

**Keywords:** Challenges, Self- Efficacy, E-Learning

**Abstrak:** E-pembelajaran kini menjadi kaedah pembelajaran yang penting dalam pendidikan disebabkan wabak COVID-19 dan norma baharu dalam kehidupan. Mereka akan menghadapi masalah ingin menyelesaikan tugas dalam waktu yang diberikan oleh pensyarah kerana rangkaian internet yang lemah. Hal ini menyebabkan tahap e-pembelajaran pelajar semakin merundum seterusnya memberi kesan terhadap tahap efikasi sendiri pelajar yang semakin lemah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara cabaran - cabaran dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Skop kajian ini

hanyalah melibatkan kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh pengkaji. Responden yang pengkaji fokus adalah pelajar Sarjana Muda Tahun Satu yang belajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Oleh itu, sampel untuk kajian ini adalah 317 pelajar. Jumlah responden pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM ialah 222 responden. Kaedah analisis deskriptif dan korelasi digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan dari sumber utama (iaitu soal selidik). Proses Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) digunakan sebagai alat analisis data utama untuk kajian kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan tahap cabaran - cabaran dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri berada pada tahap yang tinggi. Terdapat hubungan signifikan yang kuat dan positif antara cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran dan efikasi sendiri.

**Kata Kunci:** Cabaran, Efikasi Kendiri, E-Pembelajaran

## 1. Pengenalan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang besar dalam mencorakkan kehidupan seseorang insan yang bergelar pelajar. E- pembelajaran adalah kaedah mengajar menggunakan teknologi dimana bahan pembelajaran adalah diberikan secara elektronik kepada pelajar jarak jauh dengan menggunakan talian internet (Sari & Setiawan, 2018). Kejayaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada tingkah laku pelajar itu sendiri untuk menerima teknologi serta keupayaan mereka untuk mengatasi halangan-halangan semasa e-pembelajaran (Kanwal & Rehman, 2017). Kejayaan pembelajaran dalam talian ini adalah bergantung kepada perasaan pelajar untuk menerima secara hati yang terbuka pembelajaran atas talian ini (Moawad, 2020).

Interaksi juga merupakan salah satu efikasi sendiri dalam e-pembelajaran (Aesaert *et al.*, 2017), di mana pelajar mempunyai keupayaan untuk menyampaikan idea mereka dengan yakin. Seseorang yang mempunyai persepsi yang positif untuk melakukan tugas yang kompleks akan dapat mengatasi halangan tersebut (Johnson & Marakas, 2000). Dalam konteks ini, persepsi positif terhadap e-pembelajaran akan membantu pelajar untuk mengatasi halangan tersebut dalam pembelajaran dalam talian dengan mengamalkan efikasi sendiri yang tinggi. Adalah penting untuk mewujudkan suasana yang kondusif semasa pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana, suasana yang kondusif sedikit sebanyak dapat membantu pelajar itu untuk berjaya di masa hadapan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan universiti awam yang menyumbang ke arah pendidikan. UTHM mempunyai dua kampus iaitu Kampus utama UTHM yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat Johor dan Kampus UTHM Pagoh, Johor. Kampus utama UTHM mempunyai enam fakulti seperti Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) manakala Kampus UTHM Pagoh mempunyai dua fakulti iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), dan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST).

Menurut Latif (2022), disebabkan wabak COVID-19 dan norma baharu dalam kehidupan, e-pembelajaran kini menjadi kaedah pembelajaran yang penting dalam pendidikan. Sebagai contoh, penggunaan ICT dalam e-pembelajaran perlu dieksploitasi sepenuhnya oleh semua siswazah agar dapat memberikan kesan positif dalam pembelajaran yang hanya tertumpu kepada kaedah pengajaran di dalam bilik darjah. Antara cabaran dalam e-pembelajaran ialah cabaran personaliti, cabaran situasi, cabaran teknologi, dan cabaran institusi. Selain itu, efikasi sendiri siswazah dalam e-pembelajaran ialah ketersediaan dan keyakinan diri untuk menggunakan e-pembelajaran.

Siswazah yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam penggunaan e-pembelajaran akan kurang menghadapi cabaran - cabaran. Walau bagaimanapun, e-pembelajaran kurang mendapat sambutan daripada pengajar dan pelajar. Menurut Urdan & Weggen (2012), walaupun ada pihak yang berusaha dalam membangunkan e-pembelajaran, namun hanya sedikit bukti yang menyokong keberkesanan e-pembelajaran. Pelajar akan menghadapi cabaran - cabaran seperti rangkaian internet yang tidak stabil semasa e-pembelajaran. Selain itu, mereka juga akan menghadapi masalah ingin menyelesaikan tugas dalam waktu yang diberikan oleh pensyarah kerana rangkaian internet yang lemah. Hal ini menyebabkan tahap e-pembelajaran pelajar semakin merundum seterusnya memberi kesan terhadap tahap efikasi sendiri pelajar yang semakin lemah. Walau bagaimanapun, penggunaan Author, Edmodo, Schology dan lain-lain aplikasi yang digunakan akan memudahkan pensyarah dan pelajar untuk berkomunikasi semasa e-pembelajaran. Pelajar boleh belajar untuk mengakses bahan pembelajaran serta boleh belajar untuk berkomunikasi dengan pensyarah dan pelajar. Berdasarkan pemerhatian, ramai pelajar tidak memanfaatkan e-pembelajaran dengan berkesan. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji mengenai cabaran - cabaran terhadap e-pembelajaran dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM.

Objektif kajian dalam kajian ini adalah mengenalpasti tahap cabaran-cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM, mengenalpasti tahap efikasi sendiri semasa e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM dan mengkaji hubungan antara cabaran-cabaran dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM.

Skop kajian ini hanyalah melibatkan kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh pengkaji. Antaranya adalah dari segi responden. Responden yang pengkaji fokus adalah pelajar Sarjana Muda Tahun Satu yang belajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Hasil dapatan penyelidikan ini boleh digunakan sebagai model dalam meningkatkan penggunaan e-pembelajaran. Selain itu, menambah baik sistem yang digunakan dalam e-pembelajaran bagi mengurangkan halangan yang dihadapi oleh pelajar. Seterusnya, menjadi model yang penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi yang mampu menyumbangkan idea yang bernas kepada pembangunan negara.

## 2. Sorotan Literatur


### 2.1 Cabaran-Cabaran terhadap e-Pembelajaran

Teknologi adalah elemen penting dalam pembelajaran pada abad ke-21. Peningkatan penggunaan teknologi dalam pendidikan telah berubah pendidik dari mengajar cara tradisional kepada cara yang lebih fleksibel sekarang. Mereka dianggap lebih sebagai penyokong dan motivator yang menggalakkan pelajar untuk belajar secara atas talian (Onyema, 2019). Peranan teknologi boleh juga menjadi pendorong yang membolehkan pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik (Zhang *et al.*, 2009). E-pembelajaran adalah cara pendidikan yang berbeza dan jangkaan penggunaan yang berbeza. Dengan cara ini, ia membolehkan pelbagai kaedah teknologi pendidikan untuk beroperasi, merancang semula kaedah pengajaran, dan memperhalusi prestasi serta keberkesanan untuk menyesuaikan diri (Hamidi, 2018). Volery & Lord (2000) telah mencadangkan bahawa pertumbuhan pesat pembangunan teknologi telah membolehkan organisasi sesebuah institusi pendidikan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar dengan memperkenalkan sistem e-pembelajaran. Walau bagaimanapun, sistem e-pembelajaran masih belum diperluaskan. Hal ini menyebabkan orang ramai tidak mengetahui sistem pembelajaran yang baharu ini. Dalam krisis Covid-19, struktur institusi pendidikan boleh menyesuaikan norma baharu ini dengan segera untuk proses perubahan dan mengatasi masalah yang tidak dijangka semasa menggunakan teknologi ini adalah cabaran terbesar.

## 2.2 Teori Cabaran-Cabaran terhadap e-Pembelajaran

Kajian lepas menunjukkan bahawa e-pembelajaran mempunyai kelemahan dari segi kekurangan interaksi bersemuka yang jelas dan khususnya antara pelajar dan guru atau dengan pelajar lain terusnya mengakibatkan pelajar mungkin sedikit ketinggalan dalam pelajaran (Yazici, 2001). Hal ini juga menyebabkan lebih banyak masalah teknikal boleh menyebabkan pelajar tertekan. Selain itu, banyak masa yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baru. Kelemahan lain yang disebutkan dalam kesusasteraan termasuk kekurangan pengalaman mengajar secara e-pembelajaran di kalangan guru (Zhang, 2009). Pelajar mungkin akan menghadapi masalah untuk memahami sistem e-pembelajaran yang berorientasikan teknikal, kuantitatif, atau saintifik yang akan menyebabkan seseorang itu mengalami kegagalan dalam pelajaran. Pelajar juga menyifatkan masalah teknikal sebagai halangan utama dalam e-pembelajaran.

Cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran didapati mempengaruhi seseorang individu dalam e-pembelajaran dan kepuasan (Giles, 2012; Schilke, 2013). Cabaran personaliti adalah faktor dominan yang mempengaruhi efikasi sendiri. Hal ini disokong oleh Schilke (2013), yang menyatakan bahawa cabaran personaliti memainkan peranan yang penting kerana ianya melibatkan fizikal, mental dan emosi individu itu semasa menghadapi halangan semasa e-pembelajaran. Walau bagaimanapun, Nedelman (2013) menyatakan bahawa cabaran ahli fakulti dalam penggunaan teknologi dalam e-pembelajaran termasuk kekurangan pengetahuan teknikal, struktur pengurusan, kekurangan penilaian keberkesanan teknologi, dan perubahan organisasi adalah lebih dominan. Model ini adalah digunakan untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar semasa e-pembelajaran. Antara item yang terlibat adalah cabaran personaliti, cabaran teknologi, cabaran institusi dan cabaran situasi.




**Rajah 1: Model cabaran terhadap e-pembelajaran (Schilke,2013)**

## 2.3 Efikasi Kendiri

Efikasi sendiri adalah persepsi individu tentang keupayaan mereka dalam melakukan tugas. Efikasi sendiri juga boleh ditakrifkan sebagai persepsi daripada individu tentang keupayaan mereka untuk menerima pembelajaran secara atas talian (Rahmi *et al.*, 2018). Efikasi sendiri menggambarkan keupayaan seseorang untuk menentukan sejauh mana berkesan tugas dapat dijalankan untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan. Ia juga secara amnya digambarkan sebagai keyakinan individu terhadap keupayaan mereka untuk mencapai kejayaan yang diinginkan. Keupayaan untuk menggunakan internet, komputer riba, dan alat pembelajaran digital semasa pembelajaran atas talian. Oleh itu, individu yang yakin dengan kecanggihan teknologi akan mempunyai perspektif yang baik terhadap e-pembelajaran. Sebaliknya, pelajar yang mempunyai kebimbangan terhadap penggunaan komputer akan mempengaruhi kepuasan pelajar. Apabila tidak berpuas hati, kepercayaan mereka untuk menggunakan teknologi sebagai medium secara lansung akan terjejas (Sun *et al.*, 2008). Berdasarkan kajian sebelumnya, efikasi sendiri pelajar telah memberikan kesan yang mendalam terhadap e-pembelajaran mereka (Rahmi *et al.*, 2018; Park, 2009). Oleh itu, kajian yang mengenal pasti efikasi sendiri sebagai moderator antara jangka masa prestasi, pengaruh sosial, dan keseronokan untuk menerima e-pembelajaran masih kurang.

Efikasi sendiri bukan sahaja boleh mengukur tahap usaha bahkan juga kualitinya iaitu peratusan produktif sesuatu usaha itu digunakan. Oleh itu, efikasi sendiri yang lebih tinggi serta bermotivasi ianya membolehkan seseorang individu itu meningkatkan prestasi diri (Talsma *et al.*, 2018). Dalam konteks ini, Bandura (2001) berkata teori efikasi sendiri adalah kebiasaannya mempunyai hubungan dengan motivasi kerana boleh meramalkan tingkah laku seseorang. Menurut Bandura (1997) mencadangkan bahawa faktor persekitaran dengan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah atau tinggi boleh menentukan empat pemboleh ubah iaitu kejayaan, kemurungan, sikap tidak peduli, usaha yang maksimum. Teori efikasi sendiri dilaporkan berasal dari Teori Hipotesis Kognitif Sosial oleh Alberta Bandura (Frank, 2001; Shea dan Bidjerano, 2010; Yokoyama, 2019). Menurut Bandura (1982a), kepercayaan efikasi sendiri seseorang berkait rapat kepada tingkah lakunya kerana mereka memainkan peranan penting dalam pembentukan sikap mereka. Ia mungkin difahami sebagai mekanisma penting yang merangkumi hubungan interaktif antara tekanan dalaman dan tekanan luar yang mempengaruhi tingkah laku manusia (Lee dan Mendlinger, 2011).

#### 2.4 Kerangka Konsep



**Rajah 2: Model untuk cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran**

##### (a) Cabaran personaliti

Menurut kajian lepas, cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran ialah personaliti. Personaliti adalah berkaitan dengan motivasi, emosi serta psikologi seseorang individu terutamanya pelajar. E-pembelajaran memerlukan pelajar untuk belajar sendiri, mereka sering mendapati diri mereka dicabar oleh isu-isu seperti motivasi rendah untuk belajar dan komunikasi yang tidak berkesan dengan rakan-rakan mereka (Rannastu-Avalos dan Siiman 2020; Wan Hassan *et al.* 2020; Zhang *et al.* 2020). Isu pengawalan sendiri ini menjadi sukar sekiranya pelajar tidak mempunyai maklumat yang mencukupi dan pengetahuan teknologi komunikasi (ICT) (Wan Hassan *et al.*; 2020). Belajar secara maya menimbulkan pelbagai cabaran untuk pelajar kerana mereka mungkin merasa sukar dari segi kognitif, sosial, dan pengajaran dalam sistem e-pembelajaran (Rannastu-Avalos dan Siiman, 2020; Zulkefli *et al.*, 2020).

Selain itu, pembelajaran atas talian juga didapati berkaitan dengan tekanan kerana akademik, isu kewangan dan sosial (Al Ateeq *et al.*, 2020). Masalah yang berkaitan dengan tekanan dan bunuh diri adalah dikaitkan dengan ekonomi yang tidak stabil. Penyelidikan juga menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah yang tidak stabil juga merupakan faktor utama dalam masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa krisis Covid-19, seterusnya peningkatan tekanan ekonomi dan tekanan sosial (Liu, 2013). Pengkaji kajian terdahulu juga bersetuju mengenai isu ini yang menunjukkan bahawa individu merasa bimbang mengenai kekurangan pekerjaan pada masa akan datang semasa wabak Covid-19, terutamanya kepada keluarga yang kurang bernasib baik dari segi kewangan (Yazid & Lie, 2020).

*(b) Cabaran teknologi*

Berhubung dengan teori penerimaan dan penggunaan teknologi, diperhatikan bahawa penerimaan dan penggunaan teknologi dipengaruhi oleh jangkaan pencapaian, jangkaan penglibatan, dan kesan sosial. Seseorang teknologis juga mempunyai pendapat yang berbeza terhadap penerimaan teknologi (Panigrahi, Srivastava, & Sharma, 2018). Keserasian kaedah pembelajaran dalam talian mempunyai hubungan yang positif dengan penerimaannya. Di samping itu, tahap penerimaan bergantung kepada kecekapan teknologi yang akan dilaksanakan dan kurang kesamaran untuk digunakan. Melihat kesukaran pembelajaran atas talian semasa Covid-19, ianya terpulung kepada pelajar dan pengajar untuk mencari cara dan penyelesaian untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semasa.

Kesukaran dan isu yang berkaitan dengan teknologi digital ini berbeza seperti masalah memuat turun, sukar untuk log masuk, isu video dan audio, dan sebagainya. Mod dalam talian mempunyai spesifikasi sendiri (Bisht, Raj & Jasola, 2020). Kelemahan utama mod e-pembelajaran adalah prestasi pengajaran dan pembelajaran banyak bergantung kepada kelajuan internet yang konsisten. Semasa pembelajaran atas talian berlangsung, rangkaian internet yang lemah boleh menyebabkan gangguan kepada pendidik dan pelajar. Isu ini perlu untuk ditangani dengan segera untuk membolehkan semua mendapat manfaat daripada pendidikan berkualiti melalui e-pembelajaran (Cojocariu, Lazar, Nedeff, & Lazar, 2014).

*(c) Cabaran situasi*

Dalam era yang mencabar ini, situasi juga merupakan cabaran semasa pembelajaran atas talian. Cabaran situasi dikaitkan dengan situasi atau persekitaran seseorang (Schilke, 2011). Pembolehubah yang dikaitkan dengan situasi ini ialah persekitaran pembelajaran yang tidak sesuai (Garland, 2011; Giles, 2012; Morgan & Tam, 2012; O'Connor *et al.*, 2013), kekurangan sokongan, dan peruntukan. Pelajar memerlukan pembelajaran tanpa gangguan, dan persekitaran yang selesa. Selain itu, pernyataan ini disokong oleh (Mohamad, 2021) yang menganalisis cabaran yang dihadapi pelajar dan pensyarah di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) ketika pandemik Covid-19. Kajian ini mendapati pelajar menghadapi cabaran daripada suasana pembelajaran yang tidak kondusif dan ruang belajar tidak selesa yang boleh mengganggu fokus pembelajaran.

Selain itu, cabaran situasi ini menunjukkan bahawa betapa sukarnya para pelajar dalam menghadapi pembelajaran secara atas talian. Ruang dan tempat di rumah yang tidak berkonsepkan pembelajaran ditambah dengan suasana yang riuh dan bising. Hal ini telah menimbulkan perasaan yang tidak selesa kepada pelajar kerana mereka terganggu dengan suasana bising tersebut. Contohnya, pelajar perlu merekod video pembentangan tetapi tempat untuk merekod video itu tidak sesuai dan ianya menjejaskan hasil kerja mereka (Ehwan, 2020). Pernyataan ini disokong oleh kajian lepas yang membuktikan cabaran para pelajar dalam mendapatkan suasana yang kondusif apabila pembelajaran dijalankan di rumah (Kumi Yeboah, Dogbey, Yuan & Smith, 2020).

**2.5 Hipotesis**

H1: Terdapat hubungan yang positif antara cabaran personaliti dan efikasi sendiri

H2: Terdapat hubungan yang positif antara cabaran teknologi dan efikasi sendiri

H3: Terdapat hubungan yang positif antara cabaran situasi dan efikasi sendiri

**3. Metodologi Kajian**

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan metodologi atau kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian adalah penting untuk memastikan kajian ini dilaksanakan dalam turutan dan berjalan dengan lancar semasa proses untuk mengumpulkan data. Metodologi kajian merujuk kepada

prosedur melaksanakan kajian. Metodologi ini termasuklah reka bentuk kajian, populasi kajian, saiz persampelan, instrumen kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data, dan analisis data.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dan kajian deskriptif. Kajian deskriptif adalah bertujuan untuk mencirikan populasi, situasi, atau fenomena dengan betul dan tersusun. Selain itu, menerapkan pelbagai pendekatan kajian untuk meneroka satu atau lebih pemboleh ubah. Seterusnya, kuantitatif kajian adalah untuk mengukur pemboleh ubah, frekuensi, purata, korelasi dan untuk menilai hipotesis mengenai hubungan yang terdapat dalam kajian ini. Oleh itu, kaedah kuantitatif akan digunakan untuk mengumpul data dan mencapai objektif kajian.

### 3.2 Populasi Kajian

Populasi adalah sekumpulan individu yang unik, sama ada negara atau kumpulan orang yang mempunyai sifat yang sama. Populasi kajian ini adalah dikhususkan untuk pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Pelajar yang dipilih hanya melibatkan enam fakulti iaitu FPTP, FKAAB, FPTV, FKMP, FSKTM, dan FKKE. Menurut statistik pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM untuk Semester 1 Sesi 2021/2022, jumlah secara bertujuan pelajar tersebut adalah seramai 1800 pelajar. Pengkaji memilih UTHM sebagai sasaran responden kerana ianya memudahkan untuk mengumpulkan data.

### 3.3 Saiz Persampelan


Sampel adalah sebahagian daripada populasi dari penyelidikan yang akan dipilih dan dijalankan. Ukuran sampel lebih kecil daripada jumlah populasi (Bhandari, 2020). Persampelan adalah kajian strategik dimana pengkaji boleh mendapatkan maklumat mengenai populasi daripada beberapa individu dalam populasi. Maklumat yang diperolehi daripada sampel digunakan untuk menganggarkan populasi parameter seperti min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan, dan kolerasi. Oleh itu, pengkaji telah memilih persampelan secara bertujuan. Menurut statistik pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM untuk Semester 1 Sesi 2021/2022, jumlah secara bertujuan pelajar tersebut adalah seramai 1800 pelajar. Oleh itu, sampel untuk kajian ini adalah 317 pelajar mengikut penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen ini adalah digunakan untuk mendapatkan data. Pengkaji akan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Pengkaji boleh mendapatkan jawapan melalui borang soal selidik ini. Borang soal selidik yang diberikan kepada responden terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A adalah maklumat peribadi responden, bahagian B adalah cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran serta bahagian C adalah efikasi sendiri semasa e-pembelajaran. Soalan yang disediakan dalam bahagian B dan bahagian C adalah menggunakan skala likert. Menurut Gay (1981), skala likert adalah soalan yang memerlukan maklum balas daripada responden melalui borang soal selidik sama ada mereka sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju. Terdapat 5 elemen di dalam skala likert tersebut iaitu 1= sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = neutral, 4 = setuju, 5 = sangat setuju. Skala likert digunakan adalah untuk memudahkan responden untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik serta dapat membantu pengkaji untuk mendapat maklumat yang lebih tepat. Menurut Taherdoost (2019), skala likert mudah dibina dan berkemungkinan tinggi dalam menghasilkan skala yang boleh dipercayai.

### 3.5 Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini perlu dibuat untuk memastikan kajian ini mempunyai kaedah pengukuran yang lebih sistemetik. Langkah yang digunakan dalam prosedur kajian ini adalah mengenalpasti masalah kajian, sorotan literatur, pengumpulan data, menganalisis dan mentafsir data dan laporan. Rajah 3 menunjukkan prosedur kajian.



**Rajah 3: Prosedur Kajian**

### 3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif. Kaedah pengumpulan data kajian ini terbahagi kepada dua jenis iaitu data primer dan data sekunder.

#### (a) *Data primer*

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah data primer bagi memperoleh data melalui borang soal selidik. Borang soal selidik ini diagihkan dan disebarikan secara dalam talian kepada responden Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

#### (b) *Data sekunder*

Data sekunder merupakan data yang telah sedia ada atau idea yang diperolehi daripada mana-mana sumber yang digunakan semula untuk dibuat kajian. Data sekunder adalah data tambahan seperti internet, jurnal, artikel dan sebagainya. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan maklumat yang diperlukan iaitu melalui internet, jurnal, artikel dan sebagainya.

### 3.7 Analisis Data

Semua data yang diperolehi disusun secara logik dan mudah difahami. Analisis data telah dilakukan untuk mengenalpasti hasil kajian dan untuk menentukan apakah penyelidikan ini akan memenuhi tujuan penyelidikan atau tidak. Kaedah analisis deskriptif dan korelasi digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan dari sumber utama (iaitu soal selidik). Proses Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) digunakan sebagai alat analisis data utama untuk kajian kuantitatif.

## 4. Analisis Data dan Penemuan Kajian

Bab ini meneliti dapatan dan keputusan analisis yang didapati daripada data yang diperolehi melalui penyebaran tinjauan soal selidik. Bagi mencapai hasil data keseluruhan untuk objektif kajian, data dianalisis dengan menggunakan perisian Proses Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 20. Analisis data dilakukan, merangkumi analisis kebolehpercayaan, analisis demografi, analisis deskriptif, dan analisis inferensi.



*(a) Kadar tindakbalas responden***Jadual 1: Kadar tindakbalas responden**

Populasi	Saiz Sampel	Soal selidik diterima semula	Peratus (%)
1800	317	222	70.04

Menurut Jadual 1, 222 daripada 317 responden soal selidik yang sah telah dikumpulkan. Berdasarkan ini, kadar tindakbalas kajian ini ialah 70.04 peratus.

*(b) Analisis kebolehpercayaan*

Bedasarkan Jadual 2, nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis untuk personaliti, teknologi, situasi, dan efikasi sendiri ialah 0.872, 0.875, 0.876, dan 0.912. Oleh kerana nilai Alpha Cronbach ialah  $\alpha \geq 0.8$ , keputusan menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan setiap pembolehubah adalah cemerlang. Justeru itu, kajian sebenar bermula selepas keputusan ujian rintis adalah sah dan boleh dipercayai. Tinjauan ini melibatkan 222 pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Nilai Alpha Cronbach dalam kajian sebenar bagi personaliti, teknologi, situasi, dan efikasi sendiri ialah 0.773, 0.563, 0.630, dan 0.823. Keputusan menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan soal selidik ialah  $\alpha \geq 0.5$ , menunjukkan bahawa instrumen kajian yang digunakan adalah boleh dipercayai.

**Jadual 2: Nilai Alpha Cronbach**

Pembolehubah	Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis (15 responden)	Nilai Alpha Cronbach bagi kajian sebenar (222 responden)	Item
Personaliti	0.872	0.773	3
Teknologi	0.875	0.563	3
Situasi	0.876	0.630	4
Efikasi Kendiri	0.912	0.823	10

*(c) Analisis latar belakang demografik***Jadual 3: Rumusan latar belakang demografik**

		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	103	46.4
	Perempuan	119	53.6
Kaum	Melayu	133	59.9
	Cina	53	23.9
	India	36	16.2
Umur	19-20 tahun	120	54.1
	21-22 tahun	64	28.8
	23-24 tahun	35	15.8
	25 tahun dan ke atas	3	1.4
Fakulti	FPTP	50	22.5
	FKEE	31	14.0
	FPTV	35	15.8
	FKMP	31	14.0
	FSKTM	38	17.1
	FKAAB	37	16.7
E-Pembelajaran Berguna Untuk Pengajian	Ya	222	100
	Tidak	0	0

*(d) Analisis deskriptif***Jadual 4: Purata skor min dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah**

Pembolehubah	Bil	Purata Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Personaliti	222	4.48	0.55	Tinggi
Teknologi	222	4.23	0.44	Tinggi
Situasi	222	4.24	0.48	Tinggi
Efikasi Kendiri	222	4.26	0.46	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, nilai min bagi semua pembolehubah yang berkaitan berada purata 4.23 hingga 4.48 manakala sisihan piawai berada di purata 0.44 hingga 0.55. Dengan itu, tahap efikasi sendiri terhadap cabaran personaliti semasa e-pembelajaran adalah tinggi iaitu dengan purata bagi min ialah 4.48 dan sisihan piawai 0.55, cabaran situasi dengan purata min 4.24 dan sisihan piawai 0.48, cabaran teknologi dengan purata min 4.23 dengan sisihan piawai 0.44 dan efikasi sendiri memperoleh min 4.26 dan sisihan piawai 0.46. Secara keseluruhannya, tahap efikasi sendiri terhadap cabaran-cabaran semasa e-pembelajaran adalah berada di tahap yang tinggi.

*(e) Ujian Normaliti***Jadual 5: Ujian Normaliti**

Pembolehubah	Kolmogorov - Smirnov		
	Statistik	df	Sig.
Personaliti	0.187	222	0.000
Teknologi	0.312	222	0.000
Situasi	0.256	222	0.000
Efikasi Kendiri	0.242	222	0.000

Analisis data ini merangkumi 222 responden, dan nilai Kolmogorov-Smirnov telah diambil kira kerana bilangan responden melebihi 50. Keputusan menunjukkan bahawa nilai signifikan pembolehubah untuk setiap dimensi cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran dan efikasi sendiri ialah  $p < 0.05$  dan menunjukkan data tidak normal. Jadual 5 menunjukkan analisis ujian normaliti menunjukkan kesemua nilai pembolehubah, iaitu personaliti (0.000), teknologi (0.000), situasi (0.000), dan efikasi sendiri (0.000). Untuk mencapai matlamat kajian, penyelidik dikehendaki menggunakan ujian korelasi rho Spearman bagi kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Hasil kajian ini mempunyai keputusan yang tidak normal.

*(f) Analisis korelasi*

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang rendah, sederhana dan kuat tetapi hubungan yang positif secara statistik antara semua dimensi cabaran-cabaran semasa e-pembelajaran dan efikasi sendiri. Nilai pekali korelasi rho Spearman bagi personaliti ialah  $p=0.354$ . Selain itu, teknologi ( $p=0.627$ ) dan situasi ( $p=0.751$ ). Secara keseluruhan, semua hubungan antara setiap dimensi cabaran semasa e-pembelajaran dan efikasi sendiri menunjukkan hubungan yang rendah, sederhana dan kuat. Dengan itu, semua hipotesis kajian boleh diterima dalam kajian ini. Secara amnya, ianya bergantung pada andaian Teori Hipotesis Efikasi Kendiri yang mempengaruhi efikasi sendiri dan hasil pembelajaran (Olivieret *et al.*, 2019). Efikasi sendiri telah menjadi aspek penting dalam keberhasilan dalam e-pembelajaran kerana ianya telah menjadi penentu kepada kejayaan dalam pembelajaran, (Prior *et al.*, 2016).

**Jadual 6: Analisis korelasi**

		Efikasi Kendiri
Personaliti	Korelasi Spearman rho	0.354**
	Sig. (2 ekor)	0.000
	N	222
Teknologi	Korelasi Spearman rho	0.627**
	Sig. (2 ekor)	0.000
	N	222
Situasi	Korelasi Spearman rho	0.751**
	Sig. (2 ekor)	0.000
	N	222

\*\* . Korelasi adalah signifikasi pada tahap 0.01 (2-ekor)

#### 4.1 Perbincangan bagi Persoalan Kajian 1

Dalam persoalan kajian 1, terdapat 3 cabaran-cabaran semasa e-pembelajaran iaitu personaliti, teknologi dan situasi untuk mengenal pasti tahap cabaran-cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Secara keseluruhan, cabaran-cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM berada pada tahap yang tinggi kerana nilai min keseluruhan bagi kesemua pembolehubah bebas adalah 4.32 dan nilai sisihan piawai adalah 0.49. Secara umum, cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran adalah berkadar simetri dengan efikasi sendiri. Oleh itu, kajian ini selari dengan kajian lepas iaitu cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran didapati mempengaruhi seseorang individu dalam e-pembelajaran dan kepuasan (Giles, 2012; Schilke, 2013). Selain itu, cabaran personaliti adalah faktor dominan yang mempengaruhi efikasi sendiri. Hal ini disokong oleh Schilke (2013), yang menyatakan bahawa cabaran personaliti memainkan peranan yang penting kerana ianya melibatkan fizikal, mental dan emosi individu itu semasa menghadapi cabaran semasa e-pembelajaran.

#### 4.2 Perbincangan bagi Persoalan Kajian 2

Persoalan kajian 2 adalah tentang tahap untuk mengenalpasti tahap efikasi sendiri semasa e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Dengan itu, tahap efikasi sendiri terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM berada pada tahap yang tinggi dengan nilai purata min adalah 4.26 dan sisihan piawai adalah 0.46. Ini kerana cabaran-cabaran yang dihadapi semasa e-pembelajaran yang tinggi boleh menjadikan efikasi sendiri menjadi tinggi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Oleh itu, hasil kajian ini juga selaras dengan kajian lepas iaitu efikasi sendiri yang lebih tinggi serta bermotivasi ianya membolehkan seseorang individu itu meningkatkan prestasi diri (Talsma *et al.*, 2018). Dalam konteks ini, Bandura (2001) berkata teori efikasi sendiri adalah kebiasaannya mempunyai hubungan dengan motivasi kerana boleh meramalkan tingkah laku seseorang.

#### 4.3 Perbincangan bagi Persoalan Kajian 3

Persoalan kajian 3 adalah tentang untuk mengkaji hubungan antara cabaran-cabaran dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Oleh itu, terdapat hubungan yang sederhana antara cabaran-cabaran terhadap e-pembelajaran dan efikasi sendiri. Pekali korelasi untuk pembolehubah bebas personaliti adalah korelasi positif yang rendah, pekali korelasi untuk pembolehubah bebas teknologi adalah korelasi positif yang sederhana dan pekali korelasi untuk pembolehubah bebas situasi adalah korelasi positif yang kuat. Dengan menunjukkan nilai purata untuk keseluruhan pekali korelasi adalah diantara 0.354 hingga 0.751. Semua hipotesis telah diterima secara keseluruhan. Oleh itu, menurut Bandura (1982a), kepercayaan efikasi sendiri seseorang berkait rapat kepada tingkah lakunya kerana mereka memainkan peranan penting dalam pembentukan sikap mereka. Ia mungkin difahami sebagai mekanisme penting yang merangkumi hubungan interaktif antara tekanan dalaman dan tekanan luar yang mempengaruhi tingkah laku manusia (Lee dan Mendlinger, 2011). Secara amnya, ianya bergantung pada andaian Teori Hipotesis Efikasi Kendiri yang mempengaruhi efikasi sendiri dan hasil pembelajaran (Olivieret *al.*, 2019). Efikasi sendiri telah menjadi aspek penting dalam keberhasilan dalam e-pembelajaran kerana ianya telah menjadi penentu kepada kejayaan dalam pembelajaran, (Prior *et al.*, 2016).

## 5. Kesimpulan

### 5.1 Gambaran Keseluruhan Kajian

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat hubungan antara cabaran-cabaran dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM. Maka, terhasil satu tinjauan deskriptif telah direka bentuk berdasarkan objektif kajian ini. Dalam menjalankan penyelidikan, teknik persampelan adalah berdasarkan Jadual 3.1 iaitu jadual penentuan sampel (Krejcie & Morgan, 1970). Dengan populasi pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM didapati terdapat sampel sebanyak 317 responden. Pada akhir kajian, 222 borang soal selidik dengan jawapan lengkap telah dikumpul. Kadar tindak balas adalah 70.04 peratus, dan data dianalisis dengan menggunakan SPSS. Data yang diterima digunakan untuk laporan kuantitatif dalam bentuk kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai, dan kajian itu mendedahkan bahawa satu dimensi cabaran-cabaran dalam e-pembelajaran mempunyai perkaitan yang kuat dengan efikasi sendiri.

### 5.2 Limitasi Kajian

Terdapat batasan tertentu yang berlaku semasa penyelidikan dijalankan. Salah satu limitasi kajian ialah analisis statistik dalam kajian ini hanya menggunakan perisian SPSS versi 20 untuk analisis deskriptif, analisis regresi, normaliti dan analisis korelasi. Oleh itu, hasil dapatan kajian untuk pemboleh ubah bersandar dan bebas mungkin tidak tepat kerana pelbagai kelemahan dalam kaedah yang dianjurkan oleh Baron dan Kenny (1986). Selain itu, kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data iaitu menggunakan soal selidik. Soal selidik boleh dijalankan dengan cara yang mudah, kos efektif dan dalam tempoh yang singkat. Namun begitu, tidak semua responden ingin menjawab soal selidik kerana mereka mempunyai urusan lain. Seterusnya, responden memahami soalan dalam perspektif yang berbeza berdasarkan tafsiran mereka sendiri terhadap soalan tersebut. Maka, keputusan kajian ini berkemungkinan tidak begitu tepat kerana pengumpulan data hanya melibatkan pelajar Sarjana Muda Tahun Satu UTHM sahaja.

### 5.3 Cadangan

Untuk penyelidikan masa hadapan, skop kajian ini boleh diperluaskan untuk kajian populasi yang lebih besar seperti di setiap Universiti di Malaysia. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat. Penyelidik akan datang yang menjalankan kajian yang serupa dengan isu ini boleh menggunakan model yang sama atau membuat penambahbaikan terhadap model tersebut. Selain itu, reka bentuk kajian ini adalah tinjauan menggunakan soal selidik. Oleh itu, data yang dikumpul hanyalah data kuantitatif. Untuk penambahbaikan di masa hadapan, dicadangkan untuk merekabentuk kajian yang melibatkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif ini melibatkan temu bual dengan pelajar yang berkaitan. Ini akan menghasilkan data yang lebih dinamik dengan aspek yang halus. Cadangan kajian akan datang adalah pengkaji perlu menyediakan soalan terbuka supaya responden boleh mengajukan sebarang cadangan mereka. Oleh itu, responden tidak terikat dengan cadangan yang diberikan di dalam borang soal selidik.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kumpulan Fokus Pengurusan Teknologi dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang telah diberi.

## Rujukan

- Aini, Q., Budiarto, M., Putra, P. O. H., & Rahardja, U. (2020). Exploring E-learning Challenges During the Global COVID-19 Pandemic: A Review. *Jurnal Sistem Informatika*, 16(2), 57–65. <https://doi.org/10.21609/jsi.v16i2.1011>
- Al Hadhrami, S., & Al Saadi, N. (2021). The Advantages and Challenges of e-Learning During COVID-19 Pandemic in Omani Schools from Parents' Perspectives of Cycle Two Schools (5-9). *International Journal of Educational Technology and Learning*, 10(1), 26–39. <https://doi.org/10.20448/2003.101.26.39>
- Aldulaimi, S., Hameed, Abdeldayem, Mohamed, M., Keir, Abo, M. Y., Al-Sanjary, & Ismael, O. (2021). E-Learning in Higher Education and Covid-19 Outbreak: Challenges and Opportunities. *Psychology and Education Journal*, 58(2), 38–43. <https://doi.org/10.17762/pae.v58i2.1054>
- Almaiah, M. A., Al-Khasawneh, A., & Althunibat, A. (2020). Exploring the critical challenges and factors influencing the E-learning system usage during COVID-19 pandemic. *Education and Information Technologies*, 25(6), 5261–5280. <https://doi.org/10.1007/s10639-020-10219-y>
- Basir, N. F. (2018). The Relationship of Self-Efficacy and Obstacles in e-Learning among Second Year and Third Year of FPTP Students. *PTTA UTHM*. <http://archive.uthm.edu.my.ezproxy.uthm.edu.my/bitstream/123456789/2416/1/FPTP.2018.1000341163.pdf>
- Bubou, G. M., & Job, G. C. (2022). Individual innovativeness, self-efficacy, and e-learning readiness of students of Yenagoa study centre, National Open University of Nigeria. *Journal of Research in Innovative Teaching & Learning*, 15(1), 2–22. <https://doi.org/10.1108/jrit-12-2019-0079>
- Jokiaho, A., May, B., Specht, M., & Stoyanov, S. (2018). Barriers to using E Learning in an Advanced Way. *International Journal of Advanced Corporate Learning (IJAC)*, 11(1), 17. <https://doi.org/10.3991/ijac.v11i1.9235>
- Kader, A. A. (2022). Locus of control, self-efficacy, and student performance in an introductory economics course. *International Review of Economics Education*, 39(January), 100234. <https://doi.org/10.1016/j.iree.2022.100234>
- Kundu, A. (2020). Toward a framework for strengthening participants' self-efficacy in online education. *Asian Association of Open Universities Journal*, 15(3), 351–370. <https://doi.org/10.1108/aaouj-06-2020-0039>
- Latip, M. S. A., Tamrin, M., Noh, I., Rahim, F. A., & Latip, S. N. N. A. (2022). Factors affecting e-learning acceptance among students: The moderating effect of self-efficacy. *International Journal of Information and Education Technology*, 12(2), 116–122. <https://doi.org/10.18178/ijiet.2022.12.2.1594>
- Maatuk, A. M., Elberkawi, E. K., Aljawarneh, S., Rashaideh, H., & Alharbi, H. (2022). The COVID-19 pandemic and E-learning: challenges and opportunities from the perspective of students and instructors. *Journal of Computing in Higher Education*, 34(1), 21–38. <https://doi.org/10.1007/s12528-021-09274-2>
- Mirzamohammadi, M. H. (2017). The feasibility of E-Learning implementation in an Iranian university. *Electronic Journal of E-Learning*, 15(5), 423–432. <https://www.academic-publishing.org/index.php/ejel/article/view/1849/1812>
- Mushtaha, E., Abu Dabous, S., Alsyouf, I., Ahmed, A., & Raafat Abdraboh, N. (2022). The challenges and opportunities of online learning and teaching at engineering and theoretical colleges during the pandemic. *Ain Shams Engineering Journal*, 13(6), 101770. <https://doi.org/10.1016/j.asej.2022.101770>
- Sharin, A. N. (2021). *E-Learning During Covid-19: A Review of Literature*. 15–28. <https://mjes.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/28020/13038>
- Udin, T., Maufur, S., & Riyanto, O. (2022). Student's Self-Efficacy and Perceptions of Online Learning on the Use Learning Management System. *Journal of Education Technology*, 6(1), 165–172. <https://ejournal.undiksha.ac.id/index.php/JET/article/view/41884/21296>